



**INTERNATIONAL JOURNAL OF  
HUMANITIES, PHILOSOPHY  
AND LANGUAGE (IJHPL)**

[www.ijhpl.com](http://www.ijhpl.com)



**CABARAN DAN KESAN PEMBELAJARAN DALAM TALIAN  
TERHADAP KEMAHIRAN LITERASI MEMBACA DAN  
MENULIS BAHASA MELAYU BAGI MURID SEKOLAH  
RENDAH**

*THE CHALLENGES AND IMPACTS OF ONLINE LEARNING ON MALAY  
LANGUAGE READING AND WRITING LITERACY FOR PRIMARY SCHOOL  
STUDENTS*

Intan Nur Syuhada Hamzah<sup>1\*</sup>, Zamri Mahamod<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia  
Email: p101189@siswa.ukm.edu.my

<sup>2</sup> Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia  
Email: d-zam@ukm.edu.my

\* Corresponding Author

**Article Info:**

**Article history:**

Received date: 06.10.2021

Revised date: 17.10.2021

Accepted date: 05.11.2021

Published date: 05.12.2021

**To cite this document:**

Hamzah, I. N. S., & Mahamod, Z. (2021). Cabaran Dan Kesan Pembelajaran Dalam Talian Terhadap Kemahiran Literasi Membaca Dan Menulis Bahasa Melayu Bagi Murid Sekolah Rendah. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 4 (16), 57-77.

**DOI:** 10.35631/IJHPL.416004.

**Abstrak:**

Pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam talian merupakan sebuah perubahan norma baharu dalam sistem pendidikan. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti cabaran dan kesan pembelajaran secara dalam talian terhadap kemahiran literasi membaca dan menulis murid sekolah rendah. Pendekatan kajian yang digunakan adalah kajian kuantitatif. Sampel kajian terdiri daripada 109 orang murid Tahap 2 yang dipilih secara rawak di daerah Pekan dan Muadzam Shah, Pahang. Instrumen kajian adalah soal selidik. Data soal selidik dianalisis melalui perisian Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) versi 25. Dapatkan kajian menunjukkan cabaran pembelajaran dalam talian dan kesan pembelajaran dalam talian terhadap kemahiran membaca berada pada tahap sederhana dengan  $\text{min}=3.07$  dan  $\text{min}=2.46$ . Kesan pembelajaran dalam talian terhadap kemahiran menulis pula berada pada tahap rendah dengan  $\text{min}=2.21$ . Analisis inferensi ujian-T menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kesan pembelajaran dalam talian mengikut jantina terhadap kemahiran membaca dan menulis. Analisis korelasi menunjukkan hubungan yang signifikan antara kadar capaian internet dengan kesan pembelajaran dalam talian terhadap kemahiran membaca dan menulis. Dapatkan ini menunjukkan bahawa kadar capaian internet yang stabil mempengaruhi kesan peningkatan kemahiran membaca dan menulis murid secara dalam talian. Justeru, kajian mendapati kemahiran membaca dan menulis murid

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



Tahap 2 berada pada tahap sederhana memuaskan walaupun pembelajaran dilaksanakan secara dalam talian. Oleh itu, hasil kajian ini dapat membantu mengatasi masalah menguasai kemahiran membaca dan menulis dalam kalangan murid sekolah rendah terutamanya sepanjang pembelajaran dalam talian.

#### Kata Kunci:

Cabaran, Kesan, Pembelajaran Dalam Talian, Kemahiran Membaca, Kemahiran Menulis

#### Abstract:

Online teaching and learning (T&L) is a new norm in the education system. This study was conducted to identify the challenges and impacts of online learning on the reading and writing literacy of primary school students. The research approach used was quantitative. The study sample consisted of 109 Level 2 students who were randomly selected in Pekan and Muadzam Shah Districts, Pahang. The research instrument was a questionnaire. Questionnaire data were analyzed through Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) version 25 software. The findings of the study showed that the challenges of online learning and the impacts of online learning on reading skills were at a moderate level with mean = 3.07 and mean = 2.46 respectively. The impact of online learning on writing skills was at a low level with a mean = 2.21. T-test inferential analysis showed that there was no significant difference between the impacts of online learning by gender on reading and writing skills. The correlation analysis showed a significant relationship between internet access and the impacts of online learning on reading and writing skills. These findings indicated that stable internet access improves students' online reading and writing skills. Therefore, the study found that the reading and writing skills of Level 2 students were at a moderately satisfactory level even though the learning was implemented online. Therefore, this study implies that the problem of mastering reading and writing skills among primary school students can be overcome throughout online learning.

#### Keywords:

Challenges, Impact, Online Learning, Reading Skills, Writing Skills

## Pengenalan

Kepentingan mempelajari dan menguasai bahasa Melayu membawa kepentingan yang sama seperti memartabatkan perpaduan negara. Sehubungan itu, asas kemahiran utama untuk menguasai bahasa iaitu literasi membaca dan menulis perlu dipelajari sejak peringkat awal untuk memenuhi sasaran Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Pendidikan yang berkualiti akan meningkatkan prestasi murid serta persekitaran bahasa dan masyarakat yang harmoni dapat diwujudkan. Penguasaan asas literasi ialah permulaan kepada kemampuan murid untuk bertutur, membaca, menulis dan memahami percakapan. Menurut Mohd Sharifudin Yusop (2014), penguasaan kemahiran abad ke-21 bergantung kepada tahap literasi murid yang menjadi aspirasi dalam menghadapi persediaan dan cabaran mendatang. Kemampuan murid menguasai kemahiran literasi dengan cepat akan membantu meningkatkan kadar celik huruf di Malaysia.

Krisis pandemik Covid-19 yang melanda dunia menyebabkan masyarakat perlu menerima gaya hidup secara norma baharu termasuklah inovasi dalam sistem pendidikan negara. Arahan penutupan semua institusi pendidikan termasuk sekolah, kolej dan universiti menyebabkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran ditukar kepada kaedah baharu iaitu secara dalam talian. Menurut Rahayu Ahmad Bahtiar et.al (2020), pihak pengurusan dan pentadbiran pendidikan juga dilakukan dari rumah untuk merancang pengubahsuaian modul pembelajaran mengikut kesesuaian perubahan penyampaian pengajaran. Namun demikian, krisis global ini menyebabkan sistem pendidikan negara perlu diperbaharui sepenuhnya sesuai situasi semasa serta mengakibatkan pengajaran dan pembelajaran secara konvensional ditangguhkan. Sudah pasti perubahan landskap pendidikan yang mengutamakan pendidikan digital memberikan cabaran yang cukup besar terhadap warga pendidik begitu juga kepada para pelajar.

Manfaat pembelajaran secara dalam talian walau bagaimanapun sukar untuk diaplikasikan dalam PdP kemahiran literasi membaca dan menulis. Selain berhadapan cabaran untuk tidak belajar secara bersemuka, kaedah pengajaran kepada murid sekolah rendah memerlukan lebih perhatian, penelitian dan kawalan oleh guru. Isu luaran seperti murid tidak mempunyai peralatan atau gajet serta capaian internet untuk mengikuti kelas memberi cabaran besar kepada pendidik untuk menjalankan pembelajaran secara dalam talian. Cabaran dalam menghasilkan pembelajaran yang berkesan akan memberikan kesan kepada tahap literasi bahasa Melayu. Aspek-aspek seperti sosioekonomi keluarga dan sikap untuk mengikuti pembelajaran menyumbang kepada pengaruh yang sangat besar kepada pendidik. Pentaksiran secara holistik memerlukan kepakaran dan strategi berkesan daripada guru untuk menstabilkan platform pengajaran agar kekangan yang dihadapi mampu ditangani dan diterima baik sebagai cabaran baharu dalam dunia pendidikan. Kesimpulannya, proses PdP secara dalam talian masih lagi berada dalam fasa penerimaan awal oleh masyarakat terutamanya warga pendidik dan murid.

## Kajian Literatur

### ***Kajian Pandemik Covid-19***

Bermula 18 Mac 2020, seluruh rakyat Malaysia diberikan arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sebagai langkah pencegahan oleh kerajaan persekutuan Malaysia. Tindakan ini dilaksanakan secara serentak di seluruh negara untuk menangani penularan wabak Covid-19. Menurut Li et. al. (2020), permulaan wabak jangkitan paru-paru (pneumonia) yang tidak diketahui puncanya mula dikesan di Wuhan, Wilayah Hubei, China pada penghujung tahun 2019. Setelah kajian dan penyelidikan dilakukan, pakar perubatan berjaya menemukan bahawa jangkitan paru-paru ini disebabkan oleh virus baru yang diberi nama 2019-novel Coronavirus disease (COVID-19). Sejurus selepas itu, pandemik Covid-19 diumumkan sebagai masalah kesihatan awam dunia oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (World Health Organisation, WHO) setelah mencatatkan lebih 50 juta kes dengan angka kematian sebanyak 1.25 juta orang (Data WHO, 2020).

Pandemik Covid-19 telah mengubah cara hidup manusia secara keseluruhan serta menerima perubahan kehidupan secara norma baharu untuk mengelakkan jangkitan virus berbahaya. Perubahan dalam aktiviti harian menyaksikan pelbagai isu semasa yang timbul kesan daripada virus ini. Berdasarkan kajian, penyakit berjangkit merupakan suatu penyakit yang sudah lama berlaku dan bukanlah suatu perkara yang baharu (Shafiza Safie & Zulkifli Mohamed, 2020). Dari perspektif Islam, penularan penyakit berjangkit (Covid-19) memberikan kesan dan hikmahnya kepada manusia. Kesan yang jelas dapat dilihat kepada diri, masyarakat dan ekonomi sejak bermulanya penularan wabak. Kekhuatiran terhadap Covid-19 memberikan

pengaruh kepada sikap sosial masyarakat khususnya individu dalam proses interaksi sosial. Menurut Siti Rahma Harahap (2020), masyarakat kini memilih untuk mengelakkan perjumpaan secara bersemuka kerana khawatir akan penyakit bergejala dan risiko kematian.

Penutupan institusi pendidikan berikutan Covid-19 yang melanda turut memberi kesan kepada semua sistem pendidikan seluruh dunia. John Daniel (2020) dalam kajinya ‘Education and the Covid-19 pandemic’ menyatakan pandemik Covid-19 memberi cabaran besar kepada sistem pendidikan. Penularan wabak yang tidak terkawal menyebabkan semua institusi pendidikan perlu membuat persiapan dalam jangka masa yang singkat untuk menangani keperluan pelajar mengikut tahap dan bidang pengajian. Bagi meningkatkan kapasiti untuk mengajar secara jarak jauh, sekolah dan institusi pengajian tinggi disarankan untuk memaksimakan penggunaan pembelajaran digital secara fleksibel. Emma Garcia dan Elaine Weiss (2020) dalam laporan Institut Dasar Ekonomi menyentuh fasa pemuliharaan dasar pendidikan di Amerika Syarikat akibat penularan wabak Covid-19. Krisis ini didapati telah meluaskan jurang sosioekonomi sedia ada dan mempengaruhi pembelajaran dan ketidakseimbangan pendidikan. Kesannya, ramai kanak-kanak terjejas untuk mengikuti pembelajaran secara dalam talian berbanding kaedah pembelajaran secara bersemuka sebelum ini.

### ***Kajian Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dalam Talian***

Pada masa kini, teknologi maklumat dan komunikasi telah menjadi sebahagian daripada kehidupan seharian. Kepentingan memiliki peranti elektronik seperti komputer dan telefon pintar amat penting untuk mendapatkan pendidikan. Peralatan ini dapat memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Sektor pendidikan kini telah mengutamakan penggunaan komputer dengan jaringan internet jalur lebar yang berfungsi sebagai alat komunikasi dalam sistem pemprosesan maklumat. Penggunaan teknologi dalam pendidikan bukan sahaja diaplikasikan dalam sistem perkeranian, malah diterapkan sebagai medium untuk menyampaikan ilmu. Menurut Rosninawati Hussin (2020), pembelajaran dalam talian adalah satu keperluan penting dalam pendidikan Revolusi Industri 4.0 untuk generasi kini. Pendekatan baharu iaitu kaedah pembelajaran dalam talian hasil gabungan teknologi maklumat dan komunikasi menerusi proses pendidikan global perlu dimanfaatkan sepenuhnya.

Ketika pandemik Covid-19 melanda dunia, pembelajaran dalam talian telah diketengahkan sebagai medium perantara untuk meneruskan pengajaran dan pembelajaran. Pertemuan secara bersemuka terpaksa dihentikan sementara untuk mengekang penularan wabak dan digantikan dengan PdP secara dalam talian. Menurut Juliana Langgat (2020), kesan pandemik Covid-19 telah menimbulkan keresahan dalam kalangan pelajar, pendidik serta ibu bapa. Peter D., Tammy Gregersen dan Sarah Mercer (2020) pula telah mengkaji hubungan antara tekanan, kesejahteraan dan kawalan emosi negatif terhadap guru bahasa sebagai strategi mengatasi masalah tekanan semasa pengajaran dalam talian. Perubahan daripada kesan pandemik Covid-19 telah menambahkan bebanan dan tekanan yang baharu kepada guru untuk ditangani. Masalah yang dibincangkan termasuklah pertukaran drastik kaedah pengajaran bahasa kepada pengajaran dalam talian. Pendapat yang sama diutarakan oleh Norsita (2014) yang menyatakan bahawa, selain sikap guru dan terlalu berorientasikan akademik, guru juga dibebani dengan bebanan kerja seperti menguruskan bilangan pelajar yang ramai dalam satu kelas, keterhadan masa untuk membuat persediaan dan kekurangan alat bantu mengajar yang bersesuaian. Faktor-faktor ini menjelaskan bahawa tugas guru untuk menukar kaedah pengajaran secara drastik ternyata memberikan tekanan dan bebanan.

Kesan pandemik Covid-19 kepada pendidikan menuntut pelajar untuk beradaptasi dengan sistem dalam talian berbanding kaedah pengajaran konvensional sedia ada. Kajian oleh Abdul Rashid Abdul Aziz et. al. (2020) mengenai strategi pembangunan aspek kesejahteraan kendiri bagi mendepani tekanan akademik semasa wabak Covid-19 mendapati terdapat faktor dalaman dan luaran yang menjadi cabaran kepada pembelajaran dalam talian. Hasil perbincangan mengetengahkan empat elemen utama yang menjadi cabaran dan tekanan kepada pelajar semasa norma baharu. Elemen tersebut ialah penyesuaian kendiri, masalah capaian internet, kelemahan pengurusan masa dan isu kewangan untuk membeli data internet. Permasalahan yang dinyatakan sekiranya tidak ditangani segera akan menyebabkan berlakunya keciciran dalam pembelajaran. Walau bagaimanapun, cabaran pembelajaran dalam talian secara norma baharu di Malaysia masih lagi terkawal dan berada pada tahap minima.

Menurut Hasnah Hussiin (2020), 70 peratus pelajar daripada latar belakang sosio ekonomi yang rendah berasa terbeban dengan keperluan pembelajaran atas talian. Penerimaan norma baharu menyebabkan sektor pendidikan negara menuju ke arah penggunaan teknologi secara maksima. Pelajar daripada golongan keluarga B40 didapati lebih terkesan kerana perlu melanggan data internet untuk membolehkan mereka menyertai kelas, peperiksaan dan menghantar tugas. Oleh itu, kesedaran daripada pelbagai pihak terhadap jurang digital yang berlaku dapat membantu mengurangkan isu dan cabaran berkenaan teknologi dalam pembelajaran. Menurut Wan (2020), beberapa buah negara telah mengambil langkah dan inisiatif tambahan dengan menyumbangkan peranti kepada pelajar agar akses bagi kelas dalam talian dapat ditingkatkan. Negara China, United States dan Finland pula memberi ruang kepada pelajar untuk mengakses platform pembelajaran digital dengan meminjam alat digital dari pihak sekolah. Oleh itu, sumbangan daripada pihak swasta juga meringankan beban pelajar yang kurang berkemampuan untuk menyertai kelas dalam talian menggunakan peranti yang sesuai.

Kajian awal telah dilakukan oleh Muniroh Hamat, Siti Balqis dan Ch'ng Pei Eng (2020) untuk melihat adaptasi pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian sebagai norma baharu semasa Covid-19. Perubahan struktur kurikulum menerusi pengintergrasian pembelajaran dan penilaian alternatif adalah lebih menyeluruh serta tidak mengeneplikan kualiti graduan yang dihasilkan. Adaptasi daripada kaedah pengajaran norma baharu perlu menitikberatkan penggunaan bahan PdP yang interaktif dengan bantuan teknologi seperti Focusky, iClone, Video Explainers, Wave dan Lively agar pelajar lebih fokus dan memahami pengajaran dengan lebih cepat. Bagi memastikan kelancaran penilaian, pengaplikasian medium perantara seperti kuiz interaktif, demonstrasi pengajaran, penandaan bersistem, rakaman suara atau webcast dan video pembentangan dilakukan secara dalam talian belum pernah dilaksanakan secara menyeluruh semasa pelaksanaan PdP secara konvensional.

Secara ringkasnya, dapatan kajian mendapati PdP secara dalam talian yang disarankan oleh Kerajaan Malaysia adalah solusi terbaik untuk perubahan kehidupan secara norma baharu. Penerimaan yang disambut baik oleh masyarakat akan meningkatkan kualiti pendidikan berteraskan teknologi pada masa akan datang.

### ***Kajian Kemahiran Literasi Membaca dan Menulis***

Abdul Rasid Jamian (2011) dalam kajiannya menyentuh permasalahan kemahiran membaca dan menulis bahasa Melayu murid-murid sekolah rendah di kawasan luar bandar. Dapatan kajian bagi masalah kemahiran membaca dengan menunjukkan faktor kegagalan murid-murid memahami isi kandungan maklumat dalam teks yang dibaca adalah masalah utama dalam

kemahiran membaca diikuti faktor tidak memahami maksud ayat yang dibaca. Masalah menulis pula disebabkan oleh faktor tidak dapat membezakan huruf besar dan kecil serta tidak mengenali fungsi tanda baca dalam struktur ayat. Kepelbagaiannya kecerdasan pelajar dalam pelajaran menjadikan pendidikan pemulihan dijadikan sebagai kaedah menangani kekurangan murid dalam menguasai literasi bahasa. Menurut Abdul Rasid dan Zulkafli (2008), punca murid-murid tidak berminat untuk mengikuti pembelajaran adalah disebabkan masalah tidak menguasai kemahiran membaca dan menulis. Ketidakcekapan ini akan mengganggu motivasi dan sikap mereka untuk mempelajari bahasa Melayu serta mata pelajaran yang lain.

Kemahiran menulis adalah salah satu kemahiran yang produktif dan ekspresif serta digunakan untuk tujuan komunikasi secara tidak langsung (Henry Guntur Tarigan, 2008:3). Kemahiran membaca pula ialah ketrampilan reseptif kerana melalui pembacaan, seseorang dapat memperoleh informasi, ilmu dan pengetahuan baharu (Suwarjo, 2008:94). Penyelidikan berkaitan kemahiran literasi membaca dan menulis turut dilakukan di Indonesia untuk melihat perancangan, pelaksanaan, penilaian dan keberkesanan teknik menulis dan pembelajaran membaca melalui Gerakan Literasi Sekolah (GLS). Kajian oleh Eka Dewi, Mursalim dan Akhmad Murdtadlo (2017) ini adalah untuk mewujudkan budaya literasi dalam kalangan pelajar seperti kemahiran atau ketrampilan memahami bacaan dengan baik dan kemahiran menulis pelbagai genre teks. Ketrampilan literasi membantu menyediakan rangsangan pemikiran yang tinggi dan mengungkapkan idea pelajar dalam bentuk tulisan. Usaha berterusan dari pihak pengurusan sekolah untuk mencapai sifar ‘buta huruf’ dalam kalangan pelajar sekolah rendah akan meningkatkan pencapaian akademik murid terutamanya bagi kemahiran literasi membaca dan menulis. Pengajaran bahasa perlu disampaikan dengan pendekatan yang lebih menarik serta mempelbagaikan bahan bantu mengajar dan kaedah mengajar seperti penggunaan media untuk menarik minat pelajar mewujudkan interaksi dua hala (Muhamad Hasan, 2000).

Penguasaan terhadap kemahiran membaca menjadi tunjang utama kepada penyebaran ilmu pengetahuan. Tanpa kemahiran membaca, murid-murid akan berhadapan kesukaran untuk menguasai ilmu terutamanya dalam bidang-bidang yang ingin diceburi. Program LINUS bahasa Melayu amat menitikberatkan kemahiran literasi membaca dalam kalangan murid sekolah rendah. Cadangan penambahbaikan menerusi pendekatan kajian kepustakaan terhadap 12 konstruk penilaian kemahiran membaca perlu diperhalusi dan dijadikan sumber rujukan guru dalam pengajaran kemahiran membaca (Mohamad Rozi, 2021). Dapatkan kajian membantu guru untuk membuat penilaian dan intervensi dalam melaksanakan pengajaran LINUS bahasa Melayu yang berfokus kepada kemahiran membaca. Menurut Nora'Azian (2020), punca kemerosotan akademik dalam kalangan murid sekolah rendah dipengaruhi oleh faktor ketidaklancaran menguasai kemahiran membaca dan menulis. Bagi penguasaan kemahiran menulis, tugas guru untuk memupuk kecekapan menulis murid sejak awal usia akan membentuk profesi menulis menjadi kebiasaan (Mahzan Arshad, 2016). Tumpuan terhadap penulisan karangan melibatkan proses merancang, merangka, menulis dan menyunting akan menggalakkan kecekapan menulis. Oleh itu, aspek-aspek bahasa melibatkan kemahiran amat penting untuk diperhalusi agar murid-murid tidak ketinggalan dalam pelajaran.

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2015), buta huruf diperihalkan sebagai keadaan tidak menguasai kemahiran membaca dan menulis. Kaedah pengajaran secara konvensional dan bersifat sehala menjadi salah satu faktor murid-murid pemulihan sukar menguasai kemahiran membaca (Jiani Jaman, 2015). Pengajaran guru yang kreatif telah menyebabkan murid berjaya

menguasai kemahiran membaca dan tidak tersenarai sebagai murid pemulihian. Faktor kejayaan dipengaruhi oleh strategi pengajaran yang digunakan iaitu berpusatkan murid. Pihak pentadbir yang sentiasa memberi sokongan dan dorongan kepada guru dengan membantu menjayakan program pemulihian juga menjadi faktor kejayaan tersebut. Tindakan ini dapat meningkatkan motivasi guru untuk menghasilkan pengajaran berimpak dan menunjukkan sikap yang baik terhadap kerjaya walaupun tugas mendidik murid pemulihian adalah bukan tugas yang mudah.

### Metodologi

Kajian ini secara umumnya dijalankan dengan menggunakan kaedah tinjauan berbentuk kuantitatif. Berdasarkan kaedah ini, satu set soal selidik digunakan bagi memenuhi keperluan menjawab objektif kajian. Pengedaran soal selidik adalah untuk memperoleh data di dua buah sekolah rendah kebangsaan di daerah Pekan dan Muadzam Shah. Seramai 109 orang murid Tahap 2 yang dipilih secara rawak untuk dijadikan sampel kajian. Instrumen kajian berasaskan soal selidik dijana menggunakan platform pautan ‘*google form*’ dan diedarkan kepada responden untuk dijawab. Pembinaan konstruk dalam soal selidik adalah berpandukan kepada kajian lepas yang ringkas dan sesuai dengan tahap kefahaman murid sekolah rendah. Bagi kajian ini, soal selidik telah diadaptasi dan diubah suai daripada instrumen Abdul Rasid Jamian (2011) dan disesuaikan dengan objektif kajian. Kaedah pengumpulan data daripada edaran soal selidik merangkumi empat bahagian bermula dari bahagian A (demografi responden), bahagian B (cabaran pembelajaran secara dalam talian), bahagian C (kesan pembelajaran dalam talian terhadap kemahiran membaca) dan bahagian D (kesan pembelajaran dalam talian terhadap kemahiran menulis). Hasil kajian rintis yang dianalisis mendapat nilai Alpha Cronbach bagi kebolehpercayaan item soal selidik adalah  $\alpha=0.937$ .

Maklum balas terhadap pernyataan yang disediakan berdasarkan Skala Nisbah (Skala Likert) yang mempunyai lima pilihan jawapan iaitu (1 = Sangat Tidak Setuju, 2 = Tidak Setuju, 3 = Agak Setuju, 4 = Setuju 5= Sangat Setuju). Skala likert lima mata atau berjenis Rensis Likert (1932) sesuai dengan bentuk item soalan dalam bentuk jawapan tertutup. Pilihan skala dalam borang soal selidik adalah seperti berikut:

**Jadual 1: Skala Likert Lima Mata**

Skor	Pernyataan
1	Sangat tidak setuju
2	Tidak setuju
3	Kurang setuju
4	Setuju
5	Sangat setuju

Data yang diperolehi daripada sampel kajian dikumpulkan dan dianalisis menggunakan perisian komputer “*Statistical Package for Social Science*” (SPSS) versi 25.0 untuk mendapatkan kekerapan, peratusan dan min. Analisis statistik deskriptif direkod dalam bentuk min, sisihan piawai, frekuensi dan peratusan manakala analisis inferensi (Ujian-T dan Korelasi) diaplikasikan untuk mengenalpasti perbezaan dan hubungan antara pemboleh ubah kajian. Penggunaan perisian akan memudahkan proses menganalisis data dengan tepat dan menjimatkan masa.

## Dapatan Kajian

Bahagian ini membincangkan secara terperinci tentang dapatan dan analisis data kajian dalam bentuk jadual berdasarkan instrumen soal selidik yang telah digunakan.

### Analisis Demografi

Jadual 2 menunjukkan dapatan analisis deskriptif demografi responden murid yang merangkumi nilai frekuensi (*f*) dan peratusan (%).

**Jadual 2: Taburan Demografi Murid**

Demografi		Frekuensi ( <i>f</i> )	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	53	48.6
	Perempuan	56	51.4
Umur	10 tahun	31	28.4
	11 tahun	37	33.9
	12 tahun	41	37.6
Kaum	Melayu	96	93
	Cina	6	6
	India	1	1
	Orang Asli	10	9.2
Lokasi sekolah	Bandar	60	55
	Luar bandar	49	45
Pekerjaan ibu bapa	Swasta	36	23.9
	Kerajaan	49	45
	Persendirian	32	29.4
	Tidak bekerja	2	15
Jumlah pendapatan isi rumah	B40 (Kurang RM4850)	81	74.3
	M40 (Kurang RM10960)	25	22.9
	T20 (Lebih RM15040)	3	2.8
Kadar capaian internet	Kuat	23	21.1
	Sederhana	66	60.6
	Lemah	20	19

### Analisis Soal selidik

Bagi analisis deskriptif, interpretasi min dan sisihan piawai digunakan. Interpretasi min menunjukkan nilai 1.00 hingga 2.33 (rendah), 2.34 hingga 3.66 (sederhana) dan 3.67 hingga 5.00 (tinggi).

### **Analisis Cabaran Pembelajaran dalam Talian**

Dapatan soal selidik dalam bahagian ini terdiri daripada 13 item soal selidik.

**Jadual 3: Taburan Responden Mengikut Kekerapan, Peratus dan Min Cabaran Pembelajaran dalam Talian**

Item		Kekerapan (F) dan Peratusan (%)					Min	Sisihan	Interpretasi piawai (SP)
		1	2	3	4	5			
B1	Saya mudah hilang fokus ketika aktiviti membaca dan menulis secara dalam talian.	5 4.6	7 6.4	24 22	40 36.7	33 30.3	3.81	1.081	Tinggi (T)
B2	Saya tidak berdisiplin untuk mengikuti kelas membaca dan menulis dalam talian.	10 9.2	20 18.3	21 19.3	25 22	33 30.3	3.46	1.337	Sederhana (S)
B3	Saya tiada motivasi untuk belajar membaca dan menulis secara dalam talian.	5 4.6	22 20.2	17 15.6	39 35.8	26 23.9	3.54	1.190	Sederhana (S)
B4	Saya tidak memahami apa yang diajar oleh guru semasa kelas dalam talian.	4 3.7	18 16.5	43 39.4	22 20.2	22 20.2	3.35	1.084	Sederhana (S)
B5	Saya tidak menerima nota dan latihan membaca dan menulis daripada guru.	45 41.3	33 30.3	11 10.1	13 11.9	7 6.4	2.13	1.250	Rendah (R)
B6	Saya tidak seronok melakukan aktiviti membaca	9 8.3	13 11.9	25 22.9	26 23.9	36 33	3.61	1.283	Sederhana (S)

	dan menulis semasa kelas dalam talian.									
B7	Saya tidak mempunyai komputer riba atau telefon pintar untuk mengikuti kelas dalam talian.	46 42.2	30 27.5	14 12.8	10 9.2	9 8.3	2.12	1.284	Rendah (R)	
B8	Saya tidak mahir menggunakan teknologi.	19 17.4	31 28.4	30 27.5	21 19.3	8 7.3	2.70	1.180	Sederhana (S)	
B9	Saya mengalami masalah dengan capaian internet di rumah.	19 17.4	14 12.8	20 18.3	34 31.2	22 20.2	3.22	1.385	Sederhana (S)	
B10	Saya tidak mampu untuk membeli data internet.	30 27.5	25 22.9	21 19.3	22 20.2	11 10.1	2.61	1.346	Sederhana (S)	
B11	Saya tidak selesa belajar membaca dan menulis di rumah.	10 9.2	15 13.8	20 18.3	25 22.9	39 35.8	3.62	1.338	Sederhana (S)	
B12	Saya tidak mempunyai masa untuk membuat ulangkaji di rumah.	17 15.6	16 14.7	22 20.2	24 22	30 27.5	3.31	1.418	Sederhana (S)	
B13	Saya tidak mendapat dorongan daripada ibu bapa untuk belajar membaca dan menulis di rumah.	40 36.7	18 16.5	28 25.7	11 10.1	12 11	2.44	1.356	Sederhana (S)	
<b>Nilai min keseluruhan</b>							<b>3.07</b>	<b>0.806</b>	<b>Sederhana(S)</b>	

Berdasarkan jadual 3, dapatan kajian menunjukkan cabaran pembelajaran secara dalam talian terhadap murid sekolah rendah berada pada tahap sederhana dengan min keseluruhan 3.07 dan sisihan piawai 0.806.

#### **Analisis Kesan Pembelajaran dalam Talian Terhadap Kemahiran Membaca**

Bahagian ini mengandungi 10 item soalan berkaitan kesan pembelajaran dalam talian terhadap kemahiran membaca murid sekolah rendah.

**Jadual 4: Taburan Responden Mengikut Kekerapan, Peratusan dan Min Kesan Pembelajaran Dalam Talian Terhadap Kemahiran Membaca**

Item	Kekerapan (F) dan Peratusan (%)					Min	Sisihan piawai (SP)	Interpretasi
	1	2	3	4	5			
C1 Saya tidak memahami maksud ayat yang dibaca.	25 22.9	38 34.9	24 22	12 11	10 9.2	2.45	1.198	Sederhana (S)
C2 Saya tidak memahami isi kandungan teks yang dipaparkan pada skrin.	14 12.8	34 31.2	29 26.6	18 16.5	14 12.8	2.82	1.208	Sederhana (S)
C3 Saya tidak boleh membaca dengan lancar.	41 37.6	35 32.1	22 20.2	7 6.4	4 3.7	2.08	1.081	Rendah (R)
C4 Saya teragak-agak untuk menyebut perkataan dengan jelas.	43 39.4	40 36.7	12 11	7 6.4	7 6.4	2.04	1.157	Rendah (R)
C5 Saya cepat jemu dan penat untuk membaca tanpa guru dan rakan-rakan di sekolah.	6 5.5	16 14.7	18 16.5	26 23.9	43 39.4	3.74	1.272	Tinggi (T)
C6 Saya sukar mencari bahan bacaan secara dalam talian.	13 11.9	23 21.1	23 21.1	35 32.1	15 13.8	3.13	1.250	Sederhana (S)
C7 Saya tidak minat untuk belajar	37	37	19	7	9	2.22	1.212	Rendah

	secara dalam talian kerana lemah membaca.	33.9	33.9	17.4	6.4	8.3		(R)
C8	Saya berasa rendah diri kerana tidak mampu membaca dengan lancar.	42	34	16	10	7	2.14	1.208 Rendah
C9	Saya selalu gagal dalam peperiksaan Bahasa Melayu kerana tidak dapat memahami kehendak soalan.	50	22	25	6	6	2.04	1.189 Rendah
C10	Saya mendapat kedudukan antara yang tercorot di dalam kelas kerana sukar membaca.	53	25	23	4	4	1.90	1.084 Rendah
<b>Nilai min keseluruhan</b>						<b>2.46</b>	<b>0.830</b>	<b>Sederhana (S)</b>

Jadual 4 memaparkan analisis kesan pembelajaran dalam talian terhadap kemahiran membaca murid sekolah rendah. Dapatkan kajian mendapati kesan pembelajaran dalam talian terhadap kemahiran membaca murid sekolah rendah berada pada tahap sederhana dengan min keseluruhan 2.46 dan sisihan piawai 0.830.

#### **Analisis Kesan Pembelajaran dalam Talian Terhadap Kemahiran Menulis**

Bahagian ini mengandungi 10 item membincangkan dapatan kesan pembelajaran dalam talian terhadap kemahiran menulis murid sekolah rendah seperti berikut:

**Jadual 5: Taburan Responden Mengikut Kekerapan, Peratusan dan Min Kesan Pembelajaran dalam Talian Terhadap Kemahiran Menulis**

Item	Kekerapan (F) dan Peratusan (%)					Min	Sisihan piawai (SP)	Interpretasi
	1	2	3	4	5			
D1 Saya tidak dapat membezakan huruf besar dan huruf kecil.	73	19	7	5	5	1.62	1.095	Rendah
D2	67	17.4	6.4	4.6	4.6			(R)
	55	24	18	6	6	1.93	1.180	Rendah

	Saya tidak pasti akan fungsi tanda baca.	50.5	22	16.5	5.5	5.5			(R)
D3	Saya tidak faham maklumat yang ditulis semasa saya menyalin petikan.	41 37.6	26 23.9	25 22.9	9 8.3	8 7.3	2.20 1.223	1.223	Rendah (R)
D4	Saya tidak tahu menulis karangan yang bermakna	21 19.3	27 24.8	24 22	23 21.1	14 12.8	2.80 1.301	1.301	Sederhana (S)
D5	Saya berasa penat dan letih semasa menulis kerana sibuk dengan tugasan lain.	11 10.1	12 11	17 15.6	30 27.5	39 35.8	3.67 1.332	1.332	Tinggi (T)
D6	Saya perlu mengeja perlu untuk menulis.	39 35.8	40 36.7	14 12.8	9 8.3	7 6.4	2.09 1.151	1.151	Rendah (R)
D7	Saya tidak minat untuk belajar secara dalam talian kerana lemah menulis.	45 41.3	34 31.2	15 13.8	8 7.3	7 6.4	2.06 1.196	1.196	Rendah (R)
D8	Saya berasa rendah diri kerana tidak mampu menulis dengan lancar.	44 40.4	31 28.4	15 13.8	12 11	7 6.4	2.14 1.245	1.245	Rendah (R)
D9	Saya selalu gagal dalam peperiksaan Bahasa Melayu kerana tidak mampu menulis.	58 53.2	30 27.5	13 11.9	5 4.6	3 2.8	1.76 1.017	1.017	Rendah (R)
D10	Saya mendapat kedudukan antara yang tercorot di dalam kelas kerana sukar menulis.	60 55	26 23.9	14 12.8	4 3.7	5 4.6	1.78 1.097	1.097	Rendah (R)

**Nilai min keseluruhan****2.21    0.862    Rendah (R)**

Berdasarkan jadual 5 di atas, dapatan menunjukkan bahawa kesan pembelajaran secara dalam talian terhadap kemahiran menulis berada pada tahap rendah dengan nilai min keseluruhan 2.21 dan sisihan piawai 0.862. Dapatan menunjukkan bahawa pembelajaran secara dalam talian tidak memberikan kesan negatif yang ketara terhadap penguasaan kemahiran literasi menulis murid sekolah rendah.

### **Analisis Ujian T Antara Faktor Jantina dan Kesan Pembelajaran dalam Talian Terhadap Kemahiran Membaca**

**Jadual 6: Kesan Pembelajaran dalam Talian Terhadap Kemahiran Membaca Berdasarkan Faktor Jantina**

Jantina	Bilangan (N)	Min (M)	Sisihan piawai (SP)	T-Test	df	Sig
Lelaki	53	2.47	0.852	-217	0.651	0.421
Perempuan	56	2.44	0.815			

Min skor bagi kesan pembelajaran dalam talian terhadap kemahiran membaca bagi murid lelaki iaitu 2.47 dan SP=0.852 adalah lebih tinggi berbanding dengan murid perempuan iaitu nilai min 2.44 dan SP=0.815. Perbezaan ini menunjukkan nilai  $t=0.588$  ( $p>0.5$ )  $df=0.651$ ,  $p=0.421$ . Jadi, hipotesis menunjukkan bahawa tiada perbezaan yang signifikan antara kesan pembelajaran secara dalam talian terhadap kemahiran membaca mengikut jantina pada aras 0.05. Maka, hipotesis nol diterima.

### **Analisis Ujian T Antara Faktor Jantina dan Kesan Pembelajaran dalam Talian Terhadap Kemahiran Menulis**

**Jadual 7: Kesan Pembelajaran dalam Talian Terhadap Kemahiran Menulis Berdasarkan Faktor Jantina**

Jantina	Bilangan (N)	Min (M)	Sisihan piawai (SP)	T-Test	df	Sig
Lelaki	53	2.21	0.869	-0.014	107	0.989
Perempuan	56	2.20	0.862			

Keputusan ujian-t menunjukkan min skor bagi kesan pembelajaran dalam talian terhadap kemahiran menulis bagi murid lelaki ialah nilai min 2.21 dan SP=0.869 iaitu lebih tinggi berbanding murid perempuan iaitu nilai min 2.20 dan SP=0.862. Perbezaan ini menunjukkan nilai  $t=0.014$  ( $p>0.5$ )  $df=0.107$ ,  $p=0.989$ . Jadi, hipotesis menunjukkan bahawa tiada perbezaan yang signifikan antara kesan pembelajaran dalam talian terhadap kemahiran menulis mengikut jantina pada aras =0.05. Maka, hipotesis nol diterima.

## **Analisis Korelasi Antara Hubungan Kadar Capaian Internet Dengan Kemahiran Membaca**

**Jadual 8: Hubungan Kadar Capaian Internet dengan Kesan Pembelajaran dalam Talian terhadap Kemahiran Membaca**

Pembolehubah	R	Sig (2 tailed)
Kadar Capaian Internet	0.495**	0.00
Kemahiran Membaca	0.00	0.495**

\*\*. Pekali korelasi signifikan pada aras 0.01 (2-tailed).

Dapatkan menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kadar capaian internet dengan kesan pembelajaran dalam talian terhadap kemahiran membaca iaitu  $r=0.495^{**}$   $p<0.00$ . Ini menunjukkan bahawa dapatan data adalah signifikan antara kadar capaian internet dengan kesan pembelajaran dalam talian terhadap kemahiran membaca yang menunjukkan hubungan yang positif dan berada pada tahap sederhana tinggi dalam hubungan antara pemboleh ubah. Oleh itu, hipotesis nol ditolak.

## **Analisis Korelasi Antara Hubungan Kadar Capaian Internet Dengan Kemahiran Menulis**

**Jadual 9: Hubungan Kadar Capaian Internet Dengan Kesan Pembelajaran Dalam Talian Terhadap Kemahiran Menulis**

Pembolehubah	R	Sig (2 tailed)
Kadar Capaian Internet	0.510**	0.00
Kemahiran Menulis	0.00	0.510**

\*\*. Pekali korelasi signifikan pada aras 0.01 (2-tailed).

Keputusan menunjukkan bahawa nilai  $=-.00$  dan  $p=.000$  iaitu capaian internet dengan kemahiran menulis nilai  $r=0.510^{**}$   $p=0.00$ . Ini menunjukkan bahawa dapatan data adalah signifikan antara capaian internet dengan kemahiran menulis yang menunjukkan hubungan yang positif dan berada pada tahap tinggi dalam hubungan antara pemboleh ubah. Oleh itu, hipotesis nol ditolak.

## **Perbincangan**

Bahagian ini membincangkan dapatan meliputi perbincangan berkaitan cabaran pembelajaran dalam talian, kesan pembelajaran dalam talian terhadap kemahiran membaca dan kemahiran menulis melalui pembelajaran dalam talian.

### **Cabaran Pembelajaran Dalam Talian Murid Sekolah Rendah**

Komponen soal selidik yang dibina pengkaji terdiri daripada aspek cabaran melibatkan aspek diri sendiri, guru, peralatan dan keluarga. Daripada 13 item soal selidik yang dinilai, dapatkan menunjukkan bahawa murid sekolah rendah berhadapan cabaran daripada aspek diri sendiri iaitu sukar memberikan tumpuan ketika mengikuti PdP berkaitan kemahiran membaca dan menulis. Item ini mendapat tahap interpretasi tertinggi berbanding item-item lain yang berada pada tahap interpretasi sederhana dan rendah. Cabaran dari aspek diri sendiri adalah merujuk kepada halangan yang berpunca daripada sikap individu itu sendiri. Menurut James (1890), manusia mempunyai daya tumpuan yang terhad dan mampu fokus kepada satu perkara dalam satu masa. Sekiranya pembelajaran dilaksanakan secara bersemuka, murid yang tidak fokus di

dalam kelas akan lebih mudah dikawal oleh guru. Sebaliknya, sistem pendidikan norma baharu ini memerlukan kemandirian murid untuk menguruskan diri dan tidak membiarkan rangsangan lain mengganggu fokus mereka.

Dapatkan kajian ini selari dengan pernyataan oleh Nur Akalili Mohd Amin dan Nurfaradilla Mohamad Nasri (2021) iaitu disiplin yang tinggi amat penting sepanjang pengajaran dan pembelajaran dalam talian berlaku. Hal ini kerana, kesukaran mengurus disiplin diri akan menjadi cabaran memandangkan murid-murid tidak mendapat bimbingan dan pemerhatian secara bersemuka oleh guru. Selain itu, masalah sukar memberikan tumpuan semasa PdP dalam talian juga dikaitkan dengan sikap murid yang tidak mengetahui cara mengurus pembelajaran kendiri. Kenyataan ini bertepatan dengan dapatkan kajian Mohammad Aziz Shah Mohamed Arip et. al (2014) yang menyatakan bahawa, sikap murid adalah punca kepada masalah hilang tumpuan ketika belajar. Faktor-faktor yang menyumbang kepada permasalahan tersebut termasuklah sikap suka bertangguh dan tidak minat mengikuti pembelajaran. Keadaaan sekeliling yang tidak kondusif juga mudah menyebabkan murid hilang tumpuan dan mengganggu kualiti pembelajaran.

Bagi kajian ini, pelaksanaan pembelajaran dalam talian yang menuntut murid melengkapkan diri dengan penguasaan teknologi adalah satu norma baharu yang berada di luar kebiasaan murid. Oleh itu, perubahan ini amat memerlukan kerjasama daripada ibu bapa untuk mengurus dan membimbing anak-anak. Penglibatan ibu bapa dengan membantu menyusun jadual pembelajaran, memantau tugas yang diberikan serta memberi motivasi akan membantu perkembangan murid agar kemahiran pembelajaran sepanjang hayat dapat dipupuk. Dapatkan ini sesuai dengan pernyataan oleh Fatin Aliah Phang (2020), iaitu murid yang dibimbing sepanjang pembelajarannya akan membina kemampuan untuk lebih berdikari menguruskan tanggungjawab. Justeru, masalah murid yang sukar fokus dalam aktiviti membaca dan menulis ini dapat ditangani lantas menjadikan kaedah pembelajaran norma baharu ini sebagai pendidikan alaf baharu yang menyeronokkan dan efektif.

Kesimpulannya, cabaran yang dihadapi oleh murid sekolah rendah dalam menguasai kemahiran literasi membaca dan menulis tidak dipengaruhi sepenuhnya oleh faktor-faktor seperti masalah tidak mempunyai peranti untuk mengikuti pembelajaran dalam talian dan tidak menerima tugas atau nota daripada guru. Cabaran utama yang dihadapi adalah bergantung kepada sikap murid itu sendiri serta kerjasama daripada ibu bapa dan guru untuk memastikan kesinambungan pembelajaran dalam talian menjadi lebih berkesan.

**Kesan Pembelajaran Dalam Talian Terhadap Kemahiran Membaca Murid Sekolah Rendah**  
Berdasarkan item-item yang dikaji, responden didapati mudah bosan dan penat untuk mengikuti aktiviti membaca tanpa guru dan rakan-rakan di sekolah. Hasil dapatkan ini sejajar dengan pendapat Ehwan Ngadi (2020) iaitu pengurusan emosi murid mula terganggu apabila terlalu lama berkurung di rumah tanpa perlu hadir ke sekolah dan bertemu rakan sebaya. Penglibatan emosi ini akan menyebabkan berlakunya ketidakstabilan motivasi untuk mengikuti aktiviti pembelajaran secara dalam talian. Dapatkan ini selaras dengan kajian oleh Tamam Timbang, Zamri Mahamod dan Afendi Hamat (2011), iaitu antara faktor yang menyumbang kepada masalah membaca adalah faktor persekitaran seperti keluarga, sekolah dan rakan. Menurut Mucherah et. al (2008) dalam Mohd Azri Amatan dan Crispina Gregory (2019), persekitaran pembelajaran yang kondusif dapat merangsang kelakuan dan persepsi murid terhadap pengalaman persekolahan mereka. Rutin persekolahan yang berbeza menyebabkan murid menghadapi kesukaran untuk belajar membaca kerana faktor

persekitaran yang tidak sesuai untuk pembelajaran. Dapatan ini selari dengan kajian Norlela Ahmad et al. (2021) iaitu persekitaran pembelajaran di rumah yang tidak memberangsangkan menjadi punca permasalahan murid mengikuti pembelajaran membaca dengan berkesan. Oleh itu, pengurusan ruang untuk menjayakan aktiviti pembelajaran memainkan peranan penting agar murid sentiasa berasa dekat dengan guru dan rakan-rakan sekolah tanpa sebarang gangguan persekitaran yang negatif (Mohd Faiez Pauzi et al, 2020).

Walau bagaimanapun, kesan ini dilihat tidak terlalu mempengaruhi pencapaian murid untuk menguasai kemahiran membaca secara dalam talian. Setelah hampir setahun Covid-19 melanda dunia hingga mengubah landskap pendidikan kepada PdP dalam talian, guru-guru semakin aktif untuk mendalamai kemahiran teknologi. Guru sentiasa bereksperimen dan berusaha untuk mengetahui strategi pengajaran yang sesuai agar murid-murid memperoleh ilmu yang berkualiti. Oleh hal yang demikian, aspek-aspek asas kemahiran membaca seperti memahami maksud ayat yang dibaca, mengenal pasti isi kandungan teks yang penting pada paparan skrin, membaca dengan lancar dan menyebut perkataan dengan jelas telah dikuasai oleh sebilangan besar responden murid sekolah rendah dalam kajian ini. Menurut Mahizer Hamzah (2020), keupayaan guru mengendalikan e-pembelajaran atau PdP dalam talian dapat mencapai matlamat pendidikan yang setara kaedah bersemuka (*face-to-face*).

Kesimpulannya, kemahiran literasi membaca sepanjang PdP dalam talian memberikan kesan yang positif terhadap penguasaan asas membaca murid Tahap 2. Analisis kesan membaca berdasarkan jantina responden tidak menunjukkan hubungan yang signifikan. Hal ini bermakna, perbezaan jantina tidak mempengaruhi kesan PdP dalam talian terhadap kemahiran membaca. Namun, terdapat hubungan yang positif antara kadar capaian internet di rumah murid dengan kesan terhadap kemahiran membaca. Hal ini bermaksud, responden iaitu murid sekolah rendah bagi kajian ini majoritinya tidak berhadapan masalah gangguan capaian internet yang serius. Faktor ini telah menyebabkan peningkatan yang baik bagi kemahiran membaca murid walaupun PdP bahasa Melayu perlu dijalankan secara dalam talian. Dapatan ini selaras dengan pernyataan oleh Jumadi Abdul Sukor (2020) yang menyatakan bahawa kualiti capaian internet yang memuaskan akan meningkatkan keberkesanannya pembelajaran secara dalam talian.

**Kesan Pembelajaran Dalam Talian Terhadap Kemahiran Menulis Murid Sekolah Rendah**  
Kemahiran menulis adalah sebuah kemahiran teknikal yang berkait rapat dengan perkembangan kognitif. Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (2013), kemahiran menulis berada pada hierarki tertinggi berbanding kemahiran berbahasa lain kerana melibatkan gabungan antara kognitif dan psikologi untuk menghasilkan pelbagai jenis penulisan. Hasil kajian ini mendapati kesan PdP dalam talian tidak menjelaskan kemahiran asas menulis murid sekolah rendah. Soal selidik yang mengandungi 10 item soalan berkaitan kemahiran menulis memperoleh tahap interpretasi rendah dengan min keseluruhan sebanyak 2.46. Item soal selidik berkaitan asas kemahiran menulis seperti membezakan huruf besar dan huruf kecil, memahami maklumat yang disalin, membezakan fungsi tanda baca dan kemampuan menulis dengan lancar sudah dikuasai oleh majoriti responden dalam kajian ini apabila item soal selidik yang diperincikan memperoleh tahap interpretasi rendah.

Namun, terdapat beberapa item yang memperoleh min tinggi dan kekerapan yang setara bagi setiap skala iaitu murid lemah menulis karangan yang bermakna sepanjang mengikuti PdP dalam talian. Dapatan ini sejahtera dengan pernyataan Zaleha Ahmad (2014) iaitu antara cabaran utama guru untuk mengajar kemahiran menulis adalah kelemahan murid untuk mengolah idea ke dalam penulisan karangan yang bermakna. Murid yang tidak dapat menguasai kemahiran

menulis yang baik akan berhadapan masalah untuk menghuraikan data dengan tepat serta menyusun maklumat dalam bentuk yang mudah untuk difahami dan teratur. Pengolahan idea yang baik perlu mempunyai kesinambungan idea yang sistematik agar dapat memudahkan pembaca memahami mesej yang disampaikan. Oleh itu, bimbingan daripada guru amat diperlukan agar keciran murid dalam menguasai kemahiran menulis dapat dielakkan. Dapatkan ini sesuai dengan kajian lepas oleh Abdul Ghani Jalil (2016) yang menyatakan bahawa guru digalakkan untuk membuat pembaharuan bagi penulisan karangan berdasarkan kebolehan murid terutamanya dalam pembelajaran norma baharu kini.

Menurut Abdul Rasid Jamian (2011), murid mudah berasa penat dan letih dalam aktiviti penulisan karangan. Dapatkan kajian ini seiring dengan item yang memperoleh tahap interpretasi tinggi iaitu responden mudah berasa letih untuk mengikuti PdP dalam talian kerana dibebani pelbagai tugas. Tugasan-tugasan tersebut termasuklah tugas kerja rumah daripada guru mata pelajaran dan kerja-kerja rumah yang perlu dibuat untuk membantu ibu bapa. Dapatkan ini disokong oleh Sumitha & Roshan (2021) iaitu murid yang tinggal di luar bandar terlibat dengan aktiviti pertanian bagi menolong ibu bapa dan sebilangan daripada mereka meminta untuk menangguh waktu peperiksaan kepada waktu petang kerana perlu bekerja di waktu pagi. Dapatkan dari kajian Nafisah Hamidon (2021) juga selari dengan kenyataan ini iaitu antara cabaran utama pembelajaran di rumah ialah gangguan kerja rumah atau hal-hal lain. Di samping itu, kemahiran menulis juga melibatkan empat kemahiran motor yang perlu dikuasai murid iaitu motor perancangan, motor logik, motor memori dan motor tindakan (Levine, 2003). Aspek kawalan ini amat menitikberatkan perhatian dan tumpuan. Oleh itu, masa rehat dan tidur yang berkualiti amat penting untuk mengelakkan murid mudah berasa lesu, penat dan bosan ketika aktiviti menulis (Khawidah & Wan Muna Ruzanna, 2019). Pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam talian menyebabkan kekangan murid untuk mengurus masa sendiri lebih-lebih lagi murid sekolah rendah. Oleh itu, aspek ini telah menjadi antara impak yang negatif terhadap pembelajaran kemahiran menulis secara dalam talian.

Secara kesimpulannya, aspek-aspek asas kemahiran menulis sudah dikuasai oleh hampir kesemua responden kajian yang terdiri daripada murid Tahap 2. Sudah sewajarnya murid pada tahap ini menguasai asas-asas tersebut sebelum melangkah masuk ke peringkat sekolah menengah. Analisis kesan PdP dalam talian terhadap kemahiran menulis antara jantina murid didapati tidak terdapat hubungan yang signifikan iaitu faktor jantina sama sekali tidak mempengaruhi kemahiran menulis murid sepanjang PdP dalam talian. Manakala, aspek kadar capaian internet dengan kesan terhadap kemahiran menulis menunjukkan hubungan yang positif. Oleh hal yang demikian, dapat dibuktikan bahawa untuk mencapai kadar literasi menulis yang tinggi sepanjang PdP dalam talian, aspek capaian internet yang stabil memainkan peranan penting.

## Kesimpulan

Secara keseluruhannya, dapat dijelaskan bahawa cabaran pengajaran dan pembelajaran dalam talian sering menjadi isu utama sejak bermulanya alternatif pendidikan norma baharu. Berdasarkan dapatan kajian, cabaran utama pembelajaran dalam talian adalah berpunca daripada sikap murid itu sendiri dan seterusnya memberikan kesan terhadap kemahiran literasi membaca dan menulis. Kesan yang dikenal pasti adalah murid mudah berasa bosan untuk belajar membaca tanpa rakan-rakan dan guru di sekolah manakala bagi kemahiran menulis, murid mudah penat untuk mengikuti aktiviti menulis kerana sibuk dengan tugas lain. Walau bagaimanapun, kemahiran asas membaca dan menulis sudah dikuasai hampir kesemua murid

dalam kajian ini. Hal ini membuktikan bahawa, strategi pengajaran guru, kerjasama antara ibu bapa, pihak sekolah dan murid sepanjang PdP dalam talian bagi kemahiran membaca dan kemahiran menulis amat membantu penguasaan literasi murid. Justeru, kajian ini menunjukkan bahawa penerimaan pendidikan norma baharu secara dalam talian semakin diterima oleh murid dan guru. Menerusi kerjasama daripada semua pihak iaitu guru, murid, ibu bapa, pihak pentadbir dan KPM akan menjadikan kaedah pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian sebagai alternatif baharu yang mampu menambahbaik sistem pendidikan di Malaysia. Jelaslah bahawa, pelaksanaan PdP dalam talian yang berkesan akan menghasilkan murid-murid yang berkualiti dan boleh menguasai kemahiran membaca dan menulis dengan cemerlang.

## Rujukan

- Abdul Ghani Jalil. (2016). Tingkah Laku dan Proses Semasa Menulis Karangan Respons Terbuka Murid Berprestasi Rendah. Proceeding of ICECRS. 1 2016: 951-958.
- Abdul Rashid Abdul Aziz et al. (2020). Pengamalan Nilai Agama dalam Mengatasi Kemurungan Semasa Pandemik COVID-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*. 5 (12), 31-44.
- Abdul Rasid & Zulkafli. (2008). Keupayaan kemahiran membaca dan menulis Bahasa Melayu murid sekolah rendah kebangsaan luar bandar. Kertas kerja di Konvensyen Pendidikan Nasional 2008. Universiti Pendidikan Sultan Idris. 2 – 4 Jun 2008.
- Abdul Rasid Jamian. (2011). Permasalahan kemahiran membaca dan menulis bahasa Melayu murid-murid sekolah rendah di luar bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. 1 (1), 1-12.
- Amatan, M. A. & Han, C. G. K. (2019). Pengaruh Persekutaran Psikososial Sekolah dan Efikasi Kendiri Guru Terhadap Amalan Pengajaran dan Pembelajaran Abad Ke-21. *International Journal of Education, Psychology and Counseling, Counseling*, 4 (32), 301-331.
- Daniel, J. (2020). Education and the COVID-19 pandemic. Dimuat turun daripada [https://www.researchgate.net/publication/340790854\\_Education\\_and\\_the\\_COVID-19\\_pandemic](https://www.researchgate.net/publication/340790854_Education_and_the_COVID-19_pandemic)
- Ehwan Ngadi. (2020). Covid-19: Implikasi Pengajaran dan Pembelajaran Atas Talian. Risalah Usim. Dimuat turun daripada <https://www.usim.edu.my/ms/berita/in-our-words-ms/covid19-implikasi-pengajaran-dan-pembelajaran-atas-talian/>. (01 Julai 2021).
- Eka Dewi Lukmana Sari, Mursalim, Ahmad Murtadlo. (2017). Pengembangan Teknik Pembelajaran Menulis dan Membaca Melalui Gerakan Literasi Sekolah. *Jurnal Bahasa, Sastra, Seni dan Budaya*. 1 (4), 341-351.
- Fatin Aliah Phang. (2020). Pembelajaran dalam talian untuk pembelajaran sepanjang hayat.News hub. Dimuat turun daripada <https://news.utm.my/ms/2020/04/pembelajaran-atas-talian-untuk-pembelajaran-sepanjang-hayat/> (01 Julai 2021).
- Garcia, E. & Weiss, E. (2020). *COVID-19 and student performance, equity, and U.S. education policy: Lessons from pre-pandemic research to inform relief, recovery, and rebuilding*. Economy Policy Institute. Washington. DC.
- Hasnah Hussiin. (2020). Kesan Covid-19 Kepada Pelajar UMP: Satu Kajian Ringkas.
- Henry Guntur Tarigan. (2008). *Menulis sebagai suatu keterampilan berbahasa*. Bandung: Angkasa.
- Jiani Jaman. 2015. Pelaksanaan Program Pemulihan Bahasa Melayu Sekolah Rendah dan Kesannya dalam Mengatasi Masalah Buta Huruf. Tesis PhD. Universiti Putra Malaysia.
- James, W. (1890). *Habit*. New York: Henry Holt and Company.

- Jumadi Abdul Sukor. (2020). Kualiti capaian internet dan jenis peranti pengaruhi keberkesan pembelajaran dalam talian pelajar universiti. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Dimuat turun daripada <https://news.uthm.edu.my/ms/2020/10/kualiti-capaihan-internet-dan-jenis-peranti-pengaruhi-keberkesan-pembelajaran-dalam-talian-pelajar-universiti/> (01 Julai 2021).
- Juwariah Osman et al. (2018). Strategi pengajaran dan pembelajaran bahasa melayu dalam kalangan pelajar antarabangsa di Universiti Malaysia Pahang. *Jurnal Pendeta Bahasa, Pendidikan dan Kesusasteraan Melayu*. 9, 61-79.
- Kamus Dewan. (4th ed.). (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Rozi Kasim. (2021). Etnografi Komunikasi Orang Asli Jakun. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*. 14(1), 21-44.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). Program LINUS Tahap 1 Sekolah Rendah. NKRA LINUS 2.0. Kuala Lumpur.
- Khawidah Abd Samad & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. (2019). Pengaplikasian Teori Rangkaian Motor pembelajaran dalam kemahiran menulis karangan Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar tingkatan empat. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*. 118-133.
- Levine M, M.D. (2003). *The Myth of Laziness*. New York: Simon & Schuster Paperbacks.
- Li, Q., Feng. W., Ying-Hui. (2020). Trend of forecasting of the COVID-19 outbreak in China. *Journal of Infection*. 80(4), 469-496.
- Mahizer Hamzah. (2020). Sedia hadapi kelas maya sesuai normal baharu. Dimuat turun daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional> (01 Julai 2021)
- Mohammad Aziz Shah Mohamed Arip et al. (2014). Faktor, Kesan dan Strategi Menangani Permasalahan Kurang Tumpuan Pelajar Sekolah Menengah di Dalam Kelas: Suatu Kajian Kualitatif. International Counseling Conference and Work, Medan.
- Mohd Faeiz Pauzi, Siti Norazlina Juhari, Salman Amiruddin & Nurulhuda Mat Hassan. (2020). Covid-19: Pengajaran dan pembelajaran sewaktu krisis pandemik. *Jurnal Refleksi Kepimpinan*. 3, 96-105.
- Mohd Sharifudin Yusop. (2014). Literasi Melestari Budaya. Kertas kerja dibentangkan Majlis Astaka Minda, Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mucherah, W., & Yoder, A. (2008). Motivation for reading and middle school student's performance on standardized testing in reading. *Reading Psychology*. 29(3), 214-235.
- Muhamad Hasan Abdul Rahman. (2000). Media pengajaran: Penghasilan bahan pengajaran berkesan. Universiti Putra Malaysia.
- Muniroh Hamat, Siti Balqis, & Ch'ng, Pei Eng. (2020). Adaptasi Pengajaran dan Pembelajaran Secara Maya dalam Kebiasaan Baharu semasa Pandemik Covid-19. Uitm Pulau Pinang.
- Nafisah Hamidon. (2021). Cabaran dan solusi pembelajaran dalam talian semasa pandemik Covid-19 bagi pelajar menengah rendah: Kajian kes. International Conference of Research on Language Education (I-RoLE). Anjuran Akademi Pengajian Bahasa. Universiti Teknologi Mara Cawangan Melaka. 23-24 March.
- Nahar, N. (2020). The Relationship between Malay Language Proficiency and Academic Achievement among Non-native Students at National-Type School. *Jurnal Bahasa*, 20(2), 287-316.
- Norlela Ahmad et al. (2021). Pengaruh didik hibur dalam meningkatkan kesediaan belajar kemahiran membaca Bahasa Melayu murid belum menguasai tahap pencapaian minimum. *Asian Journal of Civilizational Studies (AJOCS)*. 3(1), 45-57.
- Norsita et al. (2014). Tinjauan awal interaksi guru kanak-kanak dalam pemupukan pemikiran kreatif kanak-kanak prasekolah. In: 2nd International Conference on Social Sciences Research (ICSSR 2014), 9-10 June 2014, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia. 735-746.

- Nur Akalili Mohd Amin & Nurfaradilla Mohamad Nasri. (2021). Kajian Tinjauan Persepsi Murid Sekolah Menengah Terhadap Pembelajaran Dalam Talian Semasa Pandemik Covid-19. *Jurnal Dunia Pendidikan*. 3(2), 344-361.
- Nur Hazirah Hairia'an. & Masayu Dzainudin. (2020). Pengajaran dan pemudahcaraan dalam talian semasa perintah kawalan pergerakan. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*. 9, 18-28.
- Peter, D., Gregersen, T., & Mercer, S. (2020). Understanding language teacher wellbeing: An ESM study of daily stressors and uplifts. *Sage Journals*.
- Rahayu Ahmad Bahtiar et al. (2020). Peranan dan Cabaran Pemimpin Pendidikan dalam Memastikan Matlamat dan Agenda Pendidikan Dilestari dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Covid-19. Jabatan Pembangunan Staf Institut Aminuddin Baki Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Rosninawati Hussin. (2020). Pembelajaran dalam talian sebagai norma baharu. Dimuat turun daripada <http://fkp.usim.edu.my/pembelajaran-dalam-talian/> [3 Mei 2020].
- Shafiza Safie & Zulkifli Mohamed. (2020). Pencegahan penyakit berjangkit (Covid 19), kesan dan hikmahnya menurut perspektif Islam. *Journal of al-Quran and al-Sunnah*. 5(2), 49-58.
- Siti Rahma Harahap. (2020). Proses Interaksi Sosial di Tengah Pandemi Virus Covid-19. *Al-Hikmah: Media Dakwah, Komunikasi, Sosial dan Budaya*. 11(1), 45-53.
- Sumitha Pokhrel & Roshan Chhetri. 2021. A Literature Review on Impact of COVID-19 Pandemic on Teaching and Learning. *Sagepub Jurnal*. 8(1), 133-141.
- Suwarjo. (2008). Konseling Teman Sebaya untuk Mengembangkan Resiliensi Remaja. *UI Jakarta: Jurusan Psikologi Pendidikan dan Bimbingan Ilmu Pendidikan*.
- Tamam Timbang, Zamri Mahamod & Afendi Hamat. (2011). Faktor dan kesan masalah membaca dalam kalangan murid sekolah rendah kerajaan di Brunei Darussalam. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. 1(1), 89-107.
- Wan, Ya Shin. (2020). Education during COVID19., Dimuat turun daripada: <http://www.ideas.org.my/briefideasno-19-education-during-covid-19/> (22 September 2020).
- World Health Organisation. (2020). *World Health Statistics*. Geneva: World Health Organization.
- Zalela Ahmad. (2014). Kemahiran menulis: Peningkatan kemahiran dalam kalangan pelajar melalui program ‘Tinta Emas’. Seminar Bahasa Melayu. 146-155.